

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Friday, September 13, 2019 2:43 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Berkampung Di UUM Timba Kepelbagaian Budaya



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

13 SEPTEMBER 2019 / 13 MUHARAM 1441H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: SEFB

BERKAMPUNG DI UUM TIMBA KEPELBAGAIAN BUDAYA



UUM ONLINE: Pelajar asing mewujudkan jaringan sosial yang lebih luas sambil bertukar idea mempelajari kepelbagaian budaya dalam SEFB International Summer School Program 2019, di UUM.

Siswa Pengurusan Awam dan Perusahaan dari Prince of Songkla University (PSU), Thailand, Phuttipong Panajinaporn, 23, merakam detik terbaik di Malaysia selama sebulan sambil meneroka destinasi menarik.

Antaranya Aman Central @ Pekan Rabu, Lawatan ke Pulau Pinang, Penang Hill, Penang Street Art, Gua Kelam, Avatar di Tanjung Bunga, Padang Besar Perlis serta lawatan industri Ke Kilang DXN Pharmaceutical Sdn Bhd. yang terletak di Jitra Kedah.

"Saya gembira dan selesa tinggal di sini mengenali budaya dan masyarakat majmuk, baru saya tahu orang Malaysia ramah tamah menyapa dengan senyuman mesra walaupun tidak kenal," katanya.

Phuttipong teruja menerokai ekspedisi hutan tropika yang dipenuhi flora fauna seperti bukit dan sungai yang melengkapkan keindahan alam semulajadi Sintok.

“Ketika merentas hutan semua orang saling membantu, prihatin dan memahami antara satu sama lain supaya semuanya sampai dengan selamat dan ceria,” katanya.

Pelbagai aktiviti yang dijalankan seperti go kart, berkanu, berbasikal, jungle tracking, mendaki, berenang, golf, sesi motivasi, latihan, ice breaking yang memberi kerian kepada peserta untuk saling mengenali antara satu sama lain.

“Saya sangat seronok dengan aktiviti yang disusun sepanjang program yang cukup menarik, ini merupakan pengalaman pertama saya yang amat bernilai,” katanya.

Tambahnya, program ini menyediakan kaedah yang menyeronokkan dan berkesan untuk meningkatkan bahasa Inggeris misalnya belajar tatabahasa dan perbendaharaan kata yang digunakan setiap hari.

Manakala Pelajar Perniagaan Antarabangsa dari Kyoto Sangyo University, Jepun, Takuya Kataoda mengakui sangat bertuah dapat melakukan interaksi antara budaya yang unik.

“Saya dapat berkenalan dengan kawan-kawan dari luar negara dan UUM selain mempelajari bahasa dan budaya baru di samping ingin tahu banyak perkara tentang Malaysia yang mempunyai hubungan rapat dengan Jepun.

“Saya memilih Malaysia kerana saya ingin mempelajari kemahiran komunikasi antarabangsa. Malaysia adalah negara berbilang bangsa dan saya boleh belajar sama ada dengan berkomunikasi dengan orang yang berbeza budaya.

“Ia begitu baik sehingga saya dapat merasai suasana tempat kerja di Malaysia kerana saya ingin mengetahui perbezaan dengan gaya kerja Jepun. Sungguh menghairankan kerana di sini tidak ada overtime sebagaimana Jepun yang hampir setiap hari kerja lebih masa saya akan datang ke Malaysia lagi,” luahnya.

Bercerita tentang negaranya, Jepun mempunyai empat musim seperti musim bunga dari bulan Mac hingga Mei, musim panas dari Jun hingga Ogos, musim gugur dari September hingga November, musim sejuk dari Disember hingga Februari.

“Ciri-ciri setiap musim di Jepun adalah bunga-bunga sakura yang indah pada musim bunga, cahaya kilauan indah di musim panas, daunnya cantik pada musim gugur, salji memutih di musim sejuk.

“Saya tinggal di Kyoto sebuah bandar yang cantik dengan taman, kedai, festival dan restoran yang menghidangkan sushi, ikan mentah, natto, tempura, udang mie serta soba,” katanya.

Sementara itu, Siti Nuradiera Rosli yang bertugas sebagai buddies kepada pelajar PSU dan sukarelawan menyifatkan kenangan paling manis apabila melihat perkembangan positif pelajar asing dalam penguasaan bahasa Inggeris.

“Pada awalnya, Bahasa Inggeris mereka tidak terlalu baik lama-kelamaan mereka memperbaikinya dari hari ke hari menerusi aktiviti yang diatur kini mereka berkomunikasi dengan lebih baik dalam bahasa Inggeris.

“Kita boleh nampak kesungguhan pelajar PSU untuk belajar Inggeris dan menambah kosa kata Inggeris. Oleh kerana terdapat halangan dari segi bahasa, mereka tiada pilihan selain untuk berkomunikasi dalam bahasa Inggeris.

“Ini telah menggalakkan mereka untuk bercakap dalam bahasa Inggeris. Kami sebagai buddies bangga dan gembira melihat perkembangan mereka sepanjang program,” kongsi pelajar Sarjana Muda Sains Ekonomi ini.

Ujarnya, buddies bertanggungjawab memastikan persiapan program berada dalam keadaan baik. Kami memastikan kelancaran aktiviti dan keselamatan pelajar dalam aktiviti seperti kayuh basikal, kayak, go-cart, golf, hiking dan jungle trekking serta lawatan industri.

“Kami juga membantu mereka dalam tugas dengan menyemak tatabahasa bahasa Inggeris dan memberi penjelasan apabila mereka bertanya.

“Bila kita memberi kebaikan, kebaikan juga akan datang pada kita kerana selepas melibatkan diri dalam program ini, saya lebih yakin untuk berkomunikasi dalam bahasa Inggeris dengan santai,” ujarnya.

Menurut Penyelaras SEFB International Summer School Program, Khairul Anuar Adnan, program ini bertujuan meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris dari aspek komunikasi praktikal untuk membina perbendaharaan kata dan membantu mengembangkan kebolehfahaman dan keyakinan.

“Kursus ini meliputi kemahiran bercakap, mendengar, membaca dan menulis, termasuk tatabahasa dan perbendaharaan kata.

“Kelas kecil memberi kesempatan untuk perhatian peribadi kepada setiap peserta. Peserta diberi peluang untuk mengamalkan bahasa Inggeris melalui perbincangan kumpulan, perbahasan dan aktiviti perbualan,” katanya dalam program anjuran SEFB UUM ini.

Selain itu, turut diadakan kelas pengurusan khas meliputi beberapa topik di bawah subjek Ekonomi, Kewangan & Perbankan (SEFB) seperti perbankan & kewangan, pengurusan risiko & insurans, dan ekonomi & perniagaan pertanian.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.